

TARIKH : 22 JULAI 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Kerajaan tangguh 30 projek

Kerajaan tangguh 30 projek

PARLIMEN
Oleh OMAR ZIN
dan ASLINDA NASIR
utusannews@mediamulia.com.my


KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menangguhkan kira-kira 30 projek bernilai RM100 juta sebagai langkah penjimatan bagi membantu meningkatkan lagi jumlah subsidi ketika ini.

Antaranya termasuklah pembinaan pusat pemprosesan getah bersepadu di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, perolehan peralatan bagi memodenkan bengkel dalam bidang elektrik di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Ini juga termasuk projek kerjasama pusat latihan teknologi tinggi dengan institusi pendidikan dan latihan di luar negara di bawah Kementerian Sumber Manusia dan projek penyelidikan strategik di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed menjelaskan, projek yang akan ditangguhkan itu meliputi projek baharu dan sedia ada yang belum memulakan sebarang proses perolehan dan belum diiklankan kepada orang awam.

"Kerajaan akan memastikan langkah-langkah penjimatan yang bakal dilaksanakan berikutan surat pekeliling Kementerian



SEBANYAK RM100 juta berjaya diijamatkan dengan penangguhan 30 projek pembangunan sama ada yang baharu atau belum dimulakan.

an Kewangan 14 Julai lalu tidak akan menjejaskan usaha pemulihan ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat," katanya ketika waktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan Fahmi Fadzil (PH-Lembah Pantai) mengenai perancangan kerajaan berkaitan dasar menangguh atau membatalkan projek-projek baharu, serta menamakan projek-projek tersebut dengan kos yang diijamatkan.

Bagaimanapun, Mustapa memberi jaminan bahawa projek-projek yang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan tidak akan ditangguhkan.

"Projek seperti Projek Transit

pembangunan adalah untuk negeri-negeri kurang maju, itu janji kerajaan," katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz dalam jawapan bertulis berkata, langkah pengurangan subsidi yang lebih mampan di samping memperkukuh daya tahan negara terhadap kejutan pada masa akan datang menjadi tumpuan Belanjawan 2023.

Katanya, langkah itu diambil kira susulan kadar inflasi yang semakin meruncing khususnya membabitkan harga komoditi dan makanan.

"Memandangkan dunia sekarang sedang bergelut dengan cabaran ketidaktentuan geopolitik dan perubahan iklim yang serius, inisiatif berkaitan kemampunan turut diambil kira dalam Bajet 2023," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata, pembangunan mekanisme subsidi bersasar kini dalam peringkat awal pengujian dan akan diperluas kepada beberapa kaedah lain melibatkan kawasan bandar dan luar bandar.

"Pembangunan dan pengujian sistem subsidi bersasar dijangka memerlukan tempoh antara tiga hingga enam bulan sebelum betul-betul bersedia untuk dilaksanakan di seluruh negara.

"Dalam pelaksanaan subsidi bersasar, kerajaan merancang pelaksanaan secara berfasa bagi memastikan ia tidak mengakibatkan inflasi secara mendadak atau menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi," ujarnya.